

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 27.11.2024 MASA: 02.00PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL

HAMID

DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG
PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA
ISLAM MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
(PERMAI) KE – 41 / 2024**

TARIKH / MASA / TEMPAT

29 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)

2.30 PETANG

**AUDITORIUM MBSP
MENARA BANDARAYA
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff

Yang Dipertua PERMAI

Encik Harun Bin Shamsudin

Naib Yang Dipertua PERMAI

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Barisan Ahli Jawatankuasa PERMAI Sesi 2021-2024

Ahli-Ahli PERMAI MBSP

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama bertemu dan berhimpun pada petang yang barakah ini dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PERMAI Kali Ke-41 Tahun 2024.
2. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa yang telah berjaya menganjurkan Majlis pada petang ini. Walaupun masing-masing sibuk dan mempunyai komitmen terhadap tugas seharian, namun mereka masih membahagikan masa untuk merancang, mengatur perlbagai program dan aktiviti untuk PERMAI. Syabas dan Tahniah!
3. Terima kasih juga atas kehadiran ahli-ahli PERMAI yang telah memberi komitmen dan meluangkan masa bagi sama-sama kita menjayakan majlis kita pada hari ini. Semoga komitmen dan kesungguhan yang dipamerkan oleh tuan-tuan dan puan-puan hari ini, menjadi pembakar semangat kepada barisan Ahli Jawatankuasa untuk bergiat aktif dan memacu PERMAI dengan lebih cemerlang.
4. Saya difahamkan bahawa Mesyuarat Agung PERMAI kali ini akan membuat pemilihan Ahli Jawatankuasa yang baru untuk Sesi 2024 – 2027.
5. Sehubungan itu, saya ingin merakamkan ribuan terima dan sekalung penghargaan kepada kepada Ahli Jawatankuasa yang terdahulu yang

telah memainkan peranan yang bersungguh-sungguh serta menjadi tunggak kepada kekukuhan dan kerukunan warga MBSP yang beragama Islam. Saya amat bangga melihatkan aktiviti-aktiviti PERMAI yang semakin padat saban tahun berkat usaha dan sokongan semua ahli.

6. Diharapkan Ahli Jawatankuasa baharu yang bakal dilantik hari ini akan meneruskan perjuangan PERMAI serta meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti rasmi. Saya berharap kepimpinan PERMAI yang baharu dapat menjalankan aktiviti-aktiviti yang telah disusun atur dengan sempurna. Kerjasama ahli-ahli PERMAI juga amat diperlukan dalam membantu usaha meramaikan lagi Ahli PERMAI kerana banyak lagi kakitangan yang tidak tahu kelebihan dan kebaikan menyertai PERMAI. Selain itu, adalah menjadi harapan saya agar ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai pengurusan dan profesional dapat meluangkan masa untuk turut serta dalam program-program anjuran PERMAI.
7. Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Islam MBSP atau singkatannya, PERMAI, adalah satu persatuan yang terbuka kepada semua pekerja-pekerja di dalam Majlis Bandaraya Seberang Perai yang beragama Islam sama ada lelaki ataupun perempuan. PERMAI memainkan peranan untuk merapatkan perhubungan muhibah dan menyatupadukan sekalian pekerja-pekerja Islam lelaki dan perempuan yang bekerja di MBSP dan menggalakkan ahli-ahli Persatuan ini

supaya berperasaan tolong-menolong di antara ahli-ahlinya di dalam perkara kebajikan ahli-ahli PERMAI.

8. PERMAI telah dan sentiasa merangka aktiviti dan program serta berjaya meluaskan lagi faedah-faedah kepada ahli-ahlinya melalui program dan aktiviti seperti kelas-kelas agama; ceramah agama bulanan, kursus haji dan umrah, Program Sempena Sambutan Hari Bandaraya, Majlis Qurban dan Aqiqah, Sumbangan Ramadhan, Bubur Lambuk, sumbangan kepada orang kurang kemampuan / miskin, anak yatim, sumbangan kepada mantan ahli-ahli bersara yang uzur, anak-anak ahli yang cemerlang dalam pelajaran, bakal-bakal haji / hajjah, kelahiran dan kematian waris terdekat.
9. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah di sini di atas kejayaan PERMAI. Keahlian PERMAI kini adalah seramai 1,600 orang. Saya berharap keahlian PERMAI ditingkatkan lagi kerana jumlah kakitangan Islam di MBSP adalah lebih daripada itu.
10. Saya amat terharu kerana dalam kesibukan tugas rasmi dan menguruskan rumah tangga, masih ada ruang kepada mereka untuk melaksanakan aktiviti berpersatuan. Saya percaya pengalaman dalam berpersatuan boleh meningkatkan *capacity building* tuan-tuan dan puan-puan dalam menjalankan tugas rasmi di pejabat mahupun di rumah.

11. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan kepada semua hadirin pada hari ini. Juga, tahniah dan syabas kepada Pengerusi PERMAI dan seluruh jawatankuasanya, serta ahli-ahli PERMAI atas kerjasama yang diberikan dalam menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-41 bagi tahun 2024. Semoga semangat kekitaan dan talian persahabatan yang terjalin dalam PERMAI sentiasa diteruskan, dan turut dizahirkan semasa melaksanakan tugas-tugas harian kita.
12. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, sukacitanya saya menyempurnakan perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PERMAI Kali Ke-41 Tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***